

**SISIPAN  
KHAS  
SELANGOR** KINI

# Kata-kata Tuan 2015 di Labuh



# KALENDAR 2016 SELANGOR

## JANUARI Rabiulawal - Rabiulakhir 1437H

A	I	S	R	K	J	S
31 <sup>21</sup>					1 <sup>20</sup>	2 <sup>21</sup>
3 <sup>22</sup>	4 <sup>23</sup>	5 <sup>24</sup>	6 <sup>25</sup>	7 <sup>26</sup>	8 <sup>27</sup>	9 <sup>28</sup>
10 <sup>29</sup>	11 <sup>1</sup>	12 <sup>2</sup>	13 <sup>3</sup>	14 <sup>4</sup>	15 <sup>5</sup>	16 <sup>6</sup>
17 <sup>7</sup>	18 <sup>8</sup>	19 <sup>9</sup>	20 <sup>10</sup>	21 <sup>11</sup>	22 <sup>12</sup>	23 <sup>13</sup>
24 <sup>14</sup>	25 <sup>15</sup>	26 <sup>16</sup>	27 <sup>17</sup>	28 <sup>18</sup>	29 <sup>19</sup>	30 <sup>20</sup>

## FEBRUARI Rabiulakhir - Jamadilawal 1437H

A	I	S	R	K	J	S
	1 <sup>22</sup>	2 <sup>23</sup>	3 <sup>24</sup>	4 <sup>25</sup>	5 <sup>26</sup>	6 <sup>27</sup>
7 <sup>28</sup>	8 <sup>29</sup>	9 <sup>30</sup>	10 <sup>1</sup>	11 <sup>2</sup>	12 <sup>3</sup>	13 <sup>4</sup>
14 <sup>5</sup>	15 <sup>6</sup>	16 <sup>7</sup>	17 <sup>8</sup>	18 <sup>9</sup>	19 <sup>10</sup>	20 <sup>11</sup>
21 <sup>12</sup>	22 <sup>13</sup>	23 <sup>14</sup>	24 <sup>15</sup>	25 <sup>16</sup>	26 <sup>17</sup>	27 <sup>18</sup>
28 <sup>19</sup>	29 <sup>20</sup>					

## MAR Jamadilawal - Jamadilakhir 1437H

A	I	S	R	K	J	S
			1 <sup>21</sup>	2 <sup>22</sup>	3 <sup>23</sup>	4 <sup>24</sup>
6 <sup>26</sup>	7 <sup>27</sup>	8 <sup>28</sup>	9 <sup>29</sup>	10 <sup>1</sup>	11 <sup>2</sup>	12 <sup>3</sup>
13 <sup>4</sup>	14 <sup>5</sup>	15 <sup>6</sup>	16 <sup>7</sup>	17 <sup>8</sup>	18 <sup>9</sup>	19 <sup>10</sup>
20 <sup>11</sup>	21 <sup>12</sup>	22 <sup>13</sup>	23 <sup>14</sup>	24 <sup>15</sup>	25 <sup>16</sup>	26 <sup>17</sup>
27 <sup>18</sup>	28 <sup>19</sup>	29 <sup>20</sup>	30 <sup>21</sup>	31 <sup>22</sup>		

## APRIL Jamadilakhir - Rejab 1437H

A	I	S	R	K	J	S
					1 <sup>23</sup>	2 <sup>24</sup>
3 <sup>25</sup>	4 <sup>26</sup>	5 <sup>27</sup>	6 <sup>28</sup>	7 <sup>29</sup>	8 <sup>30</sup>	9 <sup>1</sup>
10 <sup>2</sup>	11 <sup>3</sup>	12 <sup>4</sup>	13 <sup>5</sup>	14 <sup>6</sup>	15 <sup>7</sup>	16 <sup>8</sup>
17 <sup>9</sup>	18 <sup>10</sup>	19 <sup>11</sup>	20 <sup>12</sup>	21 <sup>13</sup>	22 <sup>14</sup>	23 <sup>15</sup>
24 <sup>16</sup>	25 <sup>17</sup>	26 <sup>18</sup>	27 <sup>19</sup>	28 <sup>20</sup>	29 <sup>21</sup>	30 <sup>22</sup>

## MEI Rejab - Syaaban 1437H

A	I	S	R	K	J	S
1 <sup>23</sup>	2 <sup>24</sup>	3 <sup>25</sup>	4 <sup>26</sup>	5 <sup>27</sup>	6 <sup>28</sup>	7 <sup>29</sup>
8 <sup>1</sup>	9 <sup>2</sup>	10 <sup>3</sup>	11 <sup>4</sup>	12 <sup>5</sup>	13 <sup>6</sup>	14 <sup>7</sup>
15 <sup>8</sup>	16 <sup>9</sup>	17 <sup>10</sup>	18 <sup>11</sup>	19 <sup>12</sup>	20 <sup>13</sup>	21 <sup>14</sup>
22 <sup>15</sup>	23 <sup>16</sup>	24 <sup>17</sup>	25 <sup>18</sup>	26 <sup>19</sup>	27 <sup>20</sup>	28 <sup>21</sup>
29 <sup>22</sup>	30 <sup>23</sup>	31 <sup>24</sup>				

## JUN Syaaban - Ramadan 1437H

A	I	S	R	K	J	S
			1 <sup>25</sup>	2 <sup>26</sup>	3 <sup>27</sup>	4 <sup>28</sup>
5 <sup>29</sup>	6 <sup>1</sup>	7 <sup>2</sup>	8 <sup>3</sup>	9 <sup>4</sup>	10 <sup>5</sup>	11 <sup>6</sup>
12 <sup>7</sup>	13 <sup>8</sup>	14 <sup>9</sup>	15 <sup>10</sup>	16 <sup>11</sup>	17 <sup>12</sup>	18 <sup>13</sup>
19 <sup>14</sup>	20 <sup>15</sup>	21 <sup>16</sup>	22 <sup>17</sup>	23 <sup>18</sup>	24 <sup>19</sup>	25 <sup>20</sup>
26 <sup>21</sup>	27 <sup>22</sup>	28 <sup>23</sup>	29 <sup>24</sup>	30 <sup>25</sup>		

## JULAI Ramadan - Syawal 1437H

A	I	S	R	K	J	S
31 <sup>26</sup>					1 <sup>26</sup>	2 <sup>27</sup>
3 <sup>28</sup>	4 <sup>29</sup>	5 <sup>30</sup>	6 <sup>1</sup>	7 <sup>2</sup>	8 <sup>3</sup>	9 <sup>4</sup>
10 <sup>5</sup>	11 <sup>6</sup>	12 <sup>7</sup>	13 <sup>8</sup>	14 <sup>9</sup>	15 <sup>10</sup>	16 <sup>11</sup>
17 <sup>12</sup>	18 <sup>13</sup>	19 <sup>14</sup>	20 <sup>15</sup>	21 <sup>16</sup>	22 <sup>17</sup>	23 <sup>18</sup>
24 <sup>19</sup>	25 <sup>20</sup>	26 <sup>21</sup>	27 <sup>22</sup>	28 <sup>23</sup>	29 <sup>24</sup>	30 <sup>25</sup>

## OGOS Syawal - Zulkaedah 1437H

A	I	S	R	K	J	S
	1 <sup>27</sup>	2 <sup>28</sup>	3 <sup>29</sup>	4 <sup>1</sup>	5 <sup>2</sup>	6 <sup>3</sup>
7 <sup>4</sup>	8 <sup>5</sup>	9 <sup>6</sup>	10 <sup>7</sup>	11 <sup>8</sup>	12 <sup>9</sup>	13 <sup>10</sup>
14 <sup>11</sup>	15 <sup>12</sup>	16 <sup>13</sup>	17 <sup>14</sup>	18 <sup>15</sup>	19 <sup>16</sup>	20 <sup>17</sup>
21 <sup>18</sup>	22 <sup>19</sup>	23 <sup>20</sup>	24 <sup>21</sup>	25 <sup>22</sup>	26 <sup>23</sup>	27 <sup>24</sup>
28 <sup>25</sup>	29 <sup>26</sup>	30 <sup>27</sup>	31 <sup>28</sup>			

## SEPTEMBER Zulkaedah - Zulhijjah 1437H

A	I	S	R	K	J	S
				1 <sup>29</sup>	2 <sup>30</sup>	3 <sup>1</sup>
4 <sup>2</sup>	5 <sup>3</sup>	6 <sup>4</sup>	7 <sup>5</sup>	8 <sup>6</sup>	9 <sup>7</sup>	10 <sup>8</sup>
11 <sup>9</sup>	12 <sup>10</sup>	13 <sup>11</sup>	14 <sup>12</sup>	15 <sup>13</sup>	16 <sup>14</sup>	17 <sup>15</sup>
18 <sup>16</sup>	19 <sup>17</sup>	20 <sup>18</sup>	21 <sup>19</sup>	22 <sup>20</sup>	23 <sup>21</sup>	24 <sup>22</sup>
25 <sup>23</sup>	26 <sup>24</sup>	27 <sup>25</sup>	28 <sup>26</sup>	29 <sup>27</sup>	30 <sup>28</sup>	

## OKTOBER Zulhijjah 1437H - Muharram 1438H

A	I	S	R	K	J	S
30 <sup>29</sup>	31 <sup>30</sup>					1 <sup>29</sup>
2 <sup>1</sup>	3 <sup>2</sup>	4 <sup>3</sup>	5 <sup>4</sup>	6 <sup>5</sup>	7 <sup>6</sup>	8 <sup>7</sup>
9 <sup>8</sup>	10 <sup>9</sup>	11 <sup>10</sup>	12 <sup>11</sup>	13 <sup>12</sup>	14 <sup>13</sup>	15 <sup>14</sup>
16 <sup>15</sup>	17 <sup>16</sup>	18 <sup>17</sup>	19 <sup>18</sup>	20 <sup>19</sup>	21 <sup>20</sup>	22 <sup>21</sup>
23 <sup>22</sup>	24 <sup>23</sup>	25 <sup>24</sup>	26 <sup>25</sup>	27 <sup>26</sup>	28 <sup>27</sup>	29 <sup>28</sup>

## NOVEMBER Safar 1438H

A	I	S	R	K	J	S
		1 <sup>1</sup>	2 <sup>2</sup>	3 <sup>3</sup>	4 <sup>4</sup>	5 <sup>5</sup>
6 <sup>6</sup>	7 <sup>7</sup>	8 <sup>8</sup>	9 <sup>9</sup>	10 <sup>10</sup>	11 <sup>11</sup>	12 <sup>12</sup>
13 <sup>13</sup>	14 <sup>14</sup>	15 <sup>15</sup>	16 <sup>16</sup>	17 <sup>17</sup>	18 <sup>18</sup>	19 <sup>19</sup>
20 <sup>20</sup>	21 <sup>21</sup>	22 <sup>22</sup>	23 <sup>23</sup>	24 <sup>24</sup>	25 <sup>25</sup>	26 <sup>26</sup>
27 <sup>27</sup>	28 <sup>28</sup>	29 <sup>29</sup>	30 <sup>30</sup>			

## DISEMBER Rabiulawal - Rabiulakhir 1438H

A	I	S	R	K	J	S
				1 <sup>1</sup>	2 <sup>2</sup>	3 <sup>3</sup>
4 <sup>4</sup>	5 <sup>5</sup>	6 <sup>6</sup>	7 <sup>7</sup>	8 <sup>8</sup>	9 <sup>9</sup>	10 <sup>10</sup>
11 <sup>11</sup>	12 <sup>12</sup>	13 <sup>13</sup>	14 <sup>14</sup>	15 <sup>15</sup>	16 <sup>16</sup>	17 <sup>17</sup>
18 <sup>18</sup>	19 <sup>19</sup>	20 <sup>20</sup>	21 <sup>21</sup>	22 <sup>22</sup>	23 <sup>23</sup>	24 <sup>24</sup>
25 <sup>25</sup>	26 <sup>26</sup>	27 <sup>27</sup>	28 <sup>28</sup>	29 <sup>29</sup>	30 <sup>30</sup>	31 <sup>1</sup>

## CUTI AM SELANGOR

1 JAN Jumaat  
TAHUN BARU 2016

24 JAN Ahad  
HARI THAIPUSAM

8 - 9 FEB Isnin & Selasa  
TAHUN BARU CINA

1 MEI Ahad  
HARI PEKERJA

21 MEI Sabtu  
HARI WESAK

4 JUN Sabtu  
KEPUTERAAN  
YANG DIPERTUAN AGONG

22 JUN Rabu  
NUZUL AL QURAN

6 & 7 JUL Rabu & Khamis  
HARI RAYA PUASA

31 OGOS Rabu  
HARI KEBANGSAAN

12 SEP Isnin  
HARI RAYA QURBAN

16 SEP Jumaat  
HARI MALAYSIA


2 OKT Ahad  
AWAL MUHARRAM (MAAL HIJRAH)

29 OKT Sabtu  
HARI DEEPAVALI

11 DIS Ahad  
HARI KEPUTERAAN  
SULTAN SELANGOR


12 DIS Isnin  
HARI KEPUTERAAN  
NABI MUHAMMAD S.A.W.  
(MAULIDUR RASUL)

25 DIS Ahad  
HARI KRISMAS

 www.selangorku.com

 MediaSelangorku

 MediaSelangorku

 Cuti Am Selangor

 Cuti Sekolah



**Dalam tempoh berlalu terlalu cepat, saya melalui pelbagai pengalaman. Ada yang manis, ada juga pahit. Namun, semua pengalaman ini, mendidik saya untuk tawadhu, selain mendorong saya dan pasukan negeri terus bekerja.**

**Persetankan suara cemburu dan pengacau kedamaian. Yang pahit itu adalah ubat dan penawar supaya rakyat dan Negeri Selangor sihat dan bertenaga**

Pembentangan Belanjawan 2016  
30 Oktober 2015

**Kita mesti menunaikan janji yang dibuat dan memikul amanah rakyat dengan baik dan telus kerana sesiapa sahaja boleh berjanji, namun cara pelaksanaan bergantung kepada ketelusan masing-masing.**

**Apakah rakyat yakin dengan kita? Itu saya serahkan kepada mereka kerana kita ada kejayaan yang boleh dikongsi dengan rakyat seperti di Selangor.**

Karnival Usahawan Hijrah Selangor 2015  
5 Disember 2015

**Selangor akan terus menjadi perintis kepada perpaduan kaum selain mengekang tindakan pelampau agama yang dilihat cuba menggugat keharmonian semua dan prinsip ini akan dikekalkan untuk terus memajukan negeri yang bukannya khusus untuk sesebuah kaum atau bangsa malah untuk semua rakyat.**

**Bila berbincang tentang perpaduan, bukan untuk satu kaum dan agama tetapi untuk semua yang ada di dalam negeri serta negara.**

**Terdapat suara beberapa kumpulan ekstrem yang cuba membangkitkan soal perkauman, namun Kerajaan Negeri bertekad hak dan kebajikan akan dipertahankan demi menjamin kesejahteraan semua.**

Rumah Terbuka Hari Krismas Peringkat Negeri Selangor  
20 Disember 2015

**Kain songket tenunnya halus, Sesuai dipakai segak terikat; Pemimpin adil mentadbir telus, Dihargai rakyat sepanjang hayat.**

Pembentangan Belanjawan 2016  
30 Oktober 2015

## KRONOLOGI

**11 Julai 2007** - Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan bersetuju dengan penyusunan semula Pemegang Konsesi Air Selangor di bawah satu konsortium diterajui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

**11 Februari 2008** - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), memaklumkan Kerajaan Negeri supaya KDEB mengambil alih operasi dan penyelenggaraan bagi rawatan dan pembekalan air di Lembah Klang selain menjalin kerjasama dengan KETTHA.

**22 Januari 2008** - Kerajaan Negeri dan KETTHA mula mengadakan perbincangan bagi memuktamadkan penstrukturan air.

**20 April 2009** - Siri perbincangan dimulakan antara Menteri Besar dan Menteri KETTHA.

**13 Februari 2009** - Sebanyak RM5.709 bilion ditawarkan kepada konsesi namun ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi.

**25 Jun 2009** - Sebanyak RM9.218 bilion ditawarkan dan ABBAS serta SPLASH menerima tawaran manakala Syabas dan Puncak Niaga menolak tawaran.

**31 Januari 2009** - Sebanyak RM9.227 bilion ditawarkan namun ditolak konsesi.

**28 September 2012** - Menteri KETTHA memberikan tempoh 14 hari membolehkan Kerajaan Negeri menyatakan pendirian dalam isu itu.

**3 Ogos 2012** - Menteri Besar melalui surat kepada Timbalan Perdana Menteri, menjelaskan hasrat Kerajaan Negeri memuktamadkan penstrukturan semula menggunakan model holistik.

**19 September 2012** - Timbalan Perdana Menteri melalui surat menyatakan pembabitan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) adalah terhad kepada pengambilalihan liabiliti dan aset air dan pembabitan



# Penstrukturan air Berakhirnya penguasaan kapitalis

OLEH NORHAYATI UMOR

**RAKYAT** di negeri ini boleh bersorak apabila kemelut industri air Selangor yang berlarutan sejak 2009 berjaya diselesaikan ekoran komitmen jitu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu terbabit.

Hasrat utama Kerajaan Negeri memuktamadkan penstrukturan itu bagi memastikan pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendapat perkhidmatan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan.

Ia juga untuk keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemampuannya di samping mencapai tarif air munasabah yang tidak membebankan rakyat.

Kini, rakyat Selangor mahupun penduduk sekitar Lembah Klang bernasib baik kerana tidak dibebani sebarang

kenaikan tarif air setiap tiga tahun seperti terkandung dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan terdahulu dengan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).

Bebanan rakyat juga dikurangkan menerusi program pemberian air percuma 20 meter padu yang bakal terus dilaksanakan seperti diutarakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Kerajaan Negeri juga mahu

mengurangkan air tidak berhasil (NRW) dan menyasarkan pengurangan NRW pada kadar sekurang-kurangnya dua peratus setiap tahun berbanding kira-kira 34 peratus, ketika ini.

Ini bermakna Selangor mengurangkan kehilangan fizikal dan komersial hampir 100 juta liter sehari (JLH) setiap setahun sekaligus meningkatkan keupayaan bekalan air bersih dengan ketara.



KETTHA bersama Kerajaan Negeri tidak bersesuaian.

**28 September 2012** - Menteri Besar menyatakan rasa kecewa berhubung kenyataan tidak jelas Kerajaan Pusat melalui su-

rat kepada Timbalan Perdana Menteri.

Tempoh 14 hari diberikan dan jika tiada sebarang maklum balas dari Kerajaan Pesekutuan, Kerajaan Negeri menganggap penstrukturan

semula dilaksanakan.

**15 Oktober 2012** - Timbalan Perdana Menteri menyatakan semua perkara dibangkitkan Menteri Besar dijawab Menteri KETTHA.

**19 Oktober 2012** - Menteri Besar di dalam surat jawapan menggesa diadakan mesyuarat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

**24 Oktober 2012** - Tiada sebarang maklum balas ke atas cadangan mesyuarat dengan Jawatankuasa Khas Kabinet Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KETTHA.

**20 Februari 2013** - Kerajaan Negeri Selangor menawarkan RM9.65 bilion kepada empat syarikat konsesi air untuk mengambil alih industri perkhidmatan air negeri itu selepas dirujuk kepada Badan Timbang Tara Bebas untuk menentukan 'fair market value'.

Kerajaan negeri memberikan tempoh selama 14 hari kepada empat syarikat konsesi terbabit untuk menerima tawaran tersebut.

**12 November 2014** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd kini menjadi pemilik baharu kepada Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) susulan pemeteraian perjanjian jual beli saham antara Pengurusan Air Selangor dengan Puncak Niaga Holdings Bhd.

**8 September 2015** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan PAAB menandatangani empat perjanjian bagi memenuhi tarikh akhir 60 hari dari majlis menandatangani Perjanjian Tambahan pada 10 Julai lalu.

Ia membabitkan Perjanjian Kemudahan, Perjanjian Pajakan, Perjanjian penyelesaian dan Perjanjian Hak Guna antara PAAB dan Air Selangor selama 45 tahun di bawah Pajakan dan Hak Penggunaan Perjanjian.

**15 Oktober 2015** - Secara rasminya, urusan pengambilalihan penuh pengurusan air dijalankan selepas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diberi taklimat terakhir.

**9 November 2015** - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan barisan Ex-conya buat kali pertama mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat SYABAS menandakan bermulanya era baru pengurusan air.

# Belanjawan 2015 defisit kepada surplus

OLEH NORHAYATI UMOR

**BELANJAWAN 2015** menyaksikan kejayaan membanggakan apabila Kerajaan Negeri berjaya mengurus kewangan sehingga menjadi belanjawan surplus.

Pada awalnya, Belanjawan 2015 dibentang sebagai defisit RM452.5 juta, namun melonjak menjadi surplus iaitu RM552.58 juta sehingga 30 September lalu.

Ketika itu, kedudukan kewangan negeri dianggarkan RM1.97 bilion melonjak kepada RM2.05 bilion berbanding perbelanjaan

sebenar RM1.5 bilion.

Kini, setakat sehingga 28 Disember, hasil negeri melonjak lagi kepada kedudukan RM2.454 bilion.

Jumlah baru itu melangkaui sasaran RM2.24 bilion yang diutarakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali ketika pembentangan Belanjawan 2016, Oktober lalu.

Sebelum ini, ketika membentangkan Belanjawan 2015, Kerajaan Negeri mengambil ketetapan mencorak perbelanjaan 2015 dengan mengurangkan belanja

mengurus kepada 53 peratus dan meningkatkan belanja pembangunan kepada 47 peratus.

Iltizam pengurusan kewangan berhemah Kerajaan Negeri itu tidak dapat dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tekad Kerajaan Negeri untuk tidak membentangkan belanjawan tambahan bagi 2015 juga berjaya dicapai.

Mohamed Azmin berkata, kejayaan itu membuktikan Belanjawan 2015 adalah realistik berasaskan anggaran bertanggungjawab dan berdisiplin.

HASIL NEGERI MELONJAK  
RM 2.05 BILION

PERBELANJAAN SEBENAR  
sehingga 30 September 2015  
RM 1.50 BILION

SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2015

**SURPLUS**  
RM 552.58

PERBELANJAAN

HASIL

## Ekspo Antarabangsa Selangor lonjak ekonomi dan pelaburan


**EKSPLO** Antarabangsa Selangor (SIE) yang diadakan pada 26 hingga 28 November lalu merupakan antara ekspo antarabangsa terbesar di Malaysia disertai 400 gerai dengan 46 peratus pesertanya pelabur asing dengan lebih 10 negara dan sekaligus menaikkan nama Selangor di mata pelabur antarabangsa.

Expo ini berjaya menjadi platform untuk Industri Kecil Sederhana (IKS) negara ini memperluaskan pasaran mereka ke dunia luar dan Selangor juga berjaya memulakan langkah pertamanya ke arah merealisasikan visi menjadi Pusat Dagangan Antarabangsa (*Global Trading Hub*).

Penubuhan *Selangor Digital Creative Centre (SDCC)* di bawah *Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)*, satu inkubator Kerajaan Negeri yang pertama melengkapkan kemahiran IKS, menyediakan mereka untuk menceburi bidang E-dagang.

SDCC juga menyediakan bantuan dan kemudahan kepada IKS memulakan aktiviti E-dagang, menyediakan perkongsian ruang kerja dan kemudahan untuk permulaan dalam bidang inovasi.

Japan Sweden Korea Singapura  
UAE Norway UK Iran  
British Virgin Islands Jerman Lain-lain



## Rumah Selangorku terlajak laris

**BUKAN** retorik tetapi realiti, Selangor merupakan negeri pertama yang memperkenalkan Rumah Mampu Milik (RMM) sebelum idea sama diciplak Kerajaan Persekutuan apabila RMM pertama di negara ini dilancarkan Kerajaan Negeri di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

Kerajaan Negeri juga berjaya melancarkan 20,568 unit RMM dengan melibatkan 15 projek Rumah Selangorku pada 2015 berbanding sasaran yang dicadangkan dalam Belanjawan 2015 lalu sebanyak 15,000 unit.

Laman web rasmi Lembaga Perumahan Hartanah Selangor LPHS pula menyatakan sehingga kini terdapat 11 buah projek Rumah Selangorku lain juga dalam pembinaan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 26 buah projek RMM kesemuanya bagi 2015.

Berbanding RMM yang diusahakan Kerajaan Persekutuan berharga dari RM100,000 hingga RM400,000, RMM Selangorku ditetapkan pada harga RM42,000 hingga RM250,000.

RMM Selangorku terba-

hagi kepada tiga kategori, Jenis A: berkeluasan 700 kaki persegi (kps) (RM42,000), Jenis B: 750 kps (RM100,000), Jenis C: 800 kps (RM150,000), 900 kps (RM180,000), 18' x 60' (RM200,000) dan Jenis D: 1,000 kps (RM220,000) dan 20'x60' (RM250,000).

Syarat yang minima, keluasan dan reka bentuk menarik pada harga mampu milik menyebabkan Rumah Selangorku menjadi rebutan golongan yang belum memiliki kediaman sendiri.

## Bas percuma: Retorik di Persekutuan, realiti di Selangor

**BERBANDING** Kerajaan Persekutuan yang menggunakan ungkapan 'meringankan beban rakyat' sekadar hanya retorik bagi menarik sokongan rakyat, namun bagi Kerajaan Negeri ungkapan sama perlu diterjemahkan kepada realiti.

Antara langkah diambil Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat negeri termaju itu mengharungi peningkatan mendadak kos sara hidup adalah dengan melancarkan perkhidmatan bas percuma, Bas Selangorku yang kini dikenali sebagai Bas Smart Selangor di empat kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

PBT terbabit adalah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Laluan bas di Shah Alam melibatkan perjalanan sepanjang 20.2km dengan 22 perhentian bermula di Stesen Komuter, Seksyen 19 dan berakhir di Hospital Shah Alam, Seksyen 7, manakala di Bandar Klang pula melibatkan laluan pusingan sepanjang 8.5km yang bermula dan berakhir di Wisma Tahfiz.

Di Petaling Jaya, perkhidmatan Bas Smart Selangor meliputi laluan sejauh 28 kilometer bermula di Hab Bas Jalan PJS 3/2 yang sedang dibangunkan, melalui Jalan Klang Lama, Jalan Templer, Jalan Othman, Jalan Yong Shook Lin, sekitar pusat Bandar seksyen 52, Jalan Penchala, Jalan Semangat, Jalan Universiti dan Jalan Gasing.

MBPJ memilih lokasi Pusat Bandar Seksyen 52 sebagai projek perintis bagi laluan bas ini khusus bagi menyokong pelaksanaan projek "*PJ Livable City*" yang merupak-

Antara langkah diambil Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat negeri termaju itu mengharungi peningkatan mendadak kos sara hidup adalah dengan melancarkan perkhidmatan bas percuma, Bas Selangorku yang kini dikenali sebagai Bas Smart

an projek menaik taraf pusat bandar yang mengandungi beberapa komponen utama seperti projek sistem jalan sehalu, projek "*Park & Ride*," "*PJ Walk*" dan sebagainya.

Perkhidmatan bas di Subang Jaya pula antara KTM Komuter Subang Jaya dan USJ 6 dan Stesen 7 perkhidmatan Bas Rapid Transit – Laluan Sunway.

Selain empat PBT terbabit, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bakal melancarkan perkhidmatan Bas Smart Selangor pada 4 dan 5 Januari.

Manakala Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) pula dijangka turut mengambil langkah melaksanakan program sama sedikit masa lagi.

Selain meringankan beban rakyat, program itu juga sebagai galakan kepada rakyat menggunakan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan trafik bagi jangka masa panjang.

# Apa beza Skim HIJRAH dan Tekun?

OLEH NAZLI IBRAHIM

**TAHUN 2015** menyaksikan ke-mahaman yang kuat serta tulus ingin membantu golongan mencari rezeki halal dengan berniaga menjadi inspirasi Kerajaan Negeri mewujudkan skim pinjaman tanpa faedah kepada golongan ter-babit tanpa mengira warna kulit dan ideologi politik.

Skim HIJRAH yang merupakan skim pinjaman dilancarkan pada 24 Mac 2015 mendapat sambutan menggalakkan apabila sehingga 30 November seramai 11,148 peniaga kecil memperolehi pinjaman dengan melibatkan nilai pembiayaan RM74.5 juta.

Skim ditawarkan ini menjadi lebih tampak ikhlas apabila selain tidak memerlukan pemo-

hon mengisi borang parti politik, syarat dikenakan juga lebih munasabah bagi peniaga kecil.

Apa yang membanggakan, walaupun mengenakan syarat minima, sehingga kini pembayaran balik pinjaman skim ini mencatatkan 99.98 peratus apabila jumlah bayaran balik tinggi berbanding mana-mana pinjaman.

Peratusan pembayaran balik tinggi ini sekaligus membuktikan keikhlasan, gabungan syarat minima dan mekanisma teratur dikenakan itu mampu membendung golongan yang cuba mengambil kesempatan dengan membuat pinjaman untuk tujuan lain.

Skim yang dilahirkan selepas Skim MIMBAR dan SKIMSEL disepadukan itu menawarkan pinjaman sehingga RM50,000.

Selain menawarkan pinjaman tanpa faedah untuk peniaga kecil, skim ini bakal diperluaskan, antaranya menubuhkan koperasi (Ko-HIJRAH) yang diharapkan dianggotai peserta program mikro-kredit itu.

Sebagai perbandingan, pada Oktober 2013, Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) Tekun, Datuk Abdul Rahim Hassan secara terbuka mengakui walaupun Tekun memperolehi RM1.6 bilion danya daripada dana awam Kerajaan Persekutuan tetapi agensi itu diwujudkan khas untuk membantu ahli Umno sahaja sekaligus menyebabkan permohonan bukan ahli perlu mengisi borang keahlian terlebih dahulu.

Manakala akhbar Utusan Malaysia bertarikh 9 Februari 2013



melaporkan sejak Tekun ditubuhkan pada 1998, dana RM2.42 bilion diberikan kepada 237,173 usahawan yang terdiri daripada ahli Umno dan dari jumlah itu

Tekun hanya menerima bayaran balik RM1.43 bilion sahaja apabila hampir RM1 bilion atau kira-kira 40.9 peratus gagal dibayar balik.

## Shah Alam dan Petaling Jaya diisytihar Kota Seni

**KEBANGKITAN** ekonomi kreatif sejak beberapa tahun kebelakangan ini tidak dipandang ringan apabila sumbangan besar sektor itu yang bukan sahaja memantapkan ekonomi malah, memastikan seni dan budaya terus terpelihara.

Menteri Besar, Dato' Mohamed Azmin Ali, mengingatkan pembangunan ekonomi juga perlu diimbangi dengan 'soft sector' seperti fesyen, muzik, filem, konsert serta lain-lain kegiatan intelektual dan kebudayaan yang turut mencipta pekerjaan dan pulangan ekonomi.

Serentak dengan pengumuman itu, pada 2015, Bandaraya Shah Alam dan Petaling Jaya diisytiharkan sebagai Kota Seni sekaligus meningkatkan penglibatan anak muda bergiat lebih aktif dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian.

Antara program dijalankan sepanjang 2015, Warna Kasih Ramadan, Selfiesta'15, KOLEKTIF 2015, melaksanakan projek Laman Seni dan pelbagai program lain di seluruh daerah melibatkan pelbagai golongan.



## 1,735 wifi dipasang seluruh bandar dan desa

**JURANG** digital antara masyarakat bandar dan desa di Selangor semakin mengecil apabila sehingga 15 Disember lalu, sejumlah 1,735 Wifi Selangorku sudah siap dipasang di lokasi hotspot di seluruh Selangor.

Jumlah ini dijangka terus bertambah pada 2016 ekoran proses pemasangan Wifi Selangorku di beberapa lokasi yang sudah dikenalpasti masih dijalankan.

Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pihak pemberi perkh-

idmatan telekomunikasi untuk menyediakan secara percuma hotspots wifi berkelajuan 1Mbps (*megabits per second*) dengan lingkungan perkhidmatan seluas 100 meter.

Lokasi *hotspot* dipilih adalah kawasan tumpuan awam berdasarkan sasaran empat golongan sasaran iaitu belia dan pelajar, berpendapatan rendah, mereka yang tinggal di luar bandar dan lokasi tumpuan pelancong.

Semua wifi *hotspot* dipasang

menggunakan teknologi *Fiber Optic* dengan kelajuan minima 30 mbps iaitu '*High Speed Broadband*'.

Selain merapatkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar, wifi percuma itu juga mampu meningkatkan lagi penyampaian informasi Kerajaan Negeri kepada rakyat.

Perkhidmatan ini juga boleh dijadikan landasan untuk lonjakan 'Kerajaan Digital' seterusnya menjadikan Selangor '*Smart State*' menjelang 2020.

## Sorakan 'we are the champions!' menutup tirai 2015

**TAHUN 2015** merupakan detik kecemerlangan atlet sukan Selangor apabila berjaya meraih pelbagai kejuaraan memberangsangkan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Pasukan bola sepak Selangor yang terkenal dengan jolokan *The Red Giants* membuktikan kemampuan menjulang Piala Malaysia selepas menanti hampir 10 tahun apabila menewaskan Kedah 2-0 di pentas akhir.

Kejayaan itu sekaligus merealisasikan Misi 33 selain turut dinobatkan selaku Naib Juara Liga Super dan layak beraksi di Piala AFC musim 2016 meskipun tidak diletakkan sebagai pasukan pilihan di peringkat awal.

Prestasi cemerlang juga dipamerkan Pasukan Bola Sepak Selangor menjuarai Piala Belia Bawah 19 Tahun dan 37 pemainnya ditawarkan kontrak selama lima tahun.

Rentak penuh konsisten dipamerkan pemain pelapis apabila menang 11 perlawanan, kalah dan seri sekali sepanjang kejohanan.

Karekter sebagai juara juga di-

tonjolkan OA Racing Team selepas dinobatkan sebagai juara keseluruhan Kejuaraan Petronas AAM Cup Prix 2015 bagi kategori Pro-Am.

Kejuaraan diraih menerusi penunggang jentera bernombor 19, anak Orang Asal Selangor, Azrul Affendi Hadi membuktikan mereka mampu bersaing di peringkat tinggi meskipun berhadapan masalah penajaan.

Atlet Selangor turut memaparkan kecemerlangan apabila menjadi penyumbang hampir 60 pingat keseluruhan buat kontinjen Malaysia dalam Sukan Sea yang berlangsung di Singapura.

Sumbangan pingat dilakukan atlet dari Selangor termasuk acara sukan layar dengan tiga emas melalui Muhd Dhiauddin Rozaini, Muhammad Farhan Hamid dan Norashikin Mohd Sayed.

Atlet gimnastik Selangor, Farah Ann Abdul Hadi pula menyumbang dua emas, satu perak dan tiga gangsa dalam pelbagai disiplin yang menyaksikan Malaysia meraih 186 pingat keseluruhan dengan 62 emas, 58 perak dan 66 gangsa.

### SISIPAN KHAS SIDANG PENGARANG 'TATKALA TIRAI 2015 DILABUH'

EDITOR SISIPAN KHAS: Nazli Ibrahim  
PENOLONG: Norhayati Umor  
WARTAWAN PENYELIDIK: Afeeqa Afeera, Afix Redzuan, Hafizan Taib, Syazwani Sufian  
JURUFOTO: Asri Sappie, Shuaib Ayob, Raheemie Ariffin  
GRAFIK DAN REKA LETAK: Mohammad Azwa Abdul Malek, Farah Azila Mustapha, Nor Azarina Abd Aziz

# Selangor dalam lipatan 2015



Azrul Affendi Hadi dinobatkan juara Kejuaraan Cup Prix 2015



Perasmian Top Glove Tower merancakkan lagi daya saing ekonomi Selangor



Wifi Selangor percuma dorongan rakyat Selangor celik IT



Belanjawan surplus memantapkan kepesatan pertumbuhan ekonomi Selangor



Muhammed Khusrin Munawi, jasmu dikenang, kredibilitimu dicanang!



Kepimpinan Mohamed Azmin Ali terus diiktiraf dengan penganugerahan gelaran Dato' Seri oleh DYMM Sultan Selangor



12,000 penerima HIJRAH berjaya dibantu sehingga 2015

## Kad Laporan Prestasi 2015 KERAJAAN SELANGOR

### Pencapaian kejayaan pelaksanaan BELANJAWAN 2015

Mengikuti pembentangan belanjawan tahunan mana-mana kerajaan bukan sesuatu luar biasa berikutan menjadi kelaziman belanjawan dibentangkan disusuli dengan publisiti besar-besaran.

Bagaimanapun, apa yang menjadi luar biasa adalah membentangkan kembali pencapaian pelaksanaan belanjawan pada hujung tahun untuk memberi peluang rakyat menyemak kembali prestasi ker-

ajaan.

Rakyat pasti ternanti-nanti laporan prestasi kejayaan pencapaian Belanjawan 2015 Selangor. Justeru, SelangorKini menyediakan 'KAD LAPORAN 2015 KERAJAAN SELANGOR' berdasarkan enam strategi Belanjawan 2015 seperti dibentangkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali pada 24 November 2014 lalu untuk semakan semula rakyat.

Menaikkan siling peruntukan SkimSel dan MiMBAR kepada RM100 juta berbanding RM70 juta. RM60 juta untuk SkimSel dan RM40 juta untuk MiMBAR.



#### PENCAPAIAN

- SkimSel dan MiMBAR disepadukan di bawah inisiatif HIJRAH.
- Sehingga 30 November 2015, skim HIJRAH memberi manfaat kepada 11,148 peserta dengan melibatkan nilai pinjaman RM74.5 juta. Permohonan baru sentiasa bertambah dari semasa ke semasa.

Mencadangkan RM16.6 juta untuk aktiviti dan promosi pelaburan melalui usaha ekspo perdagangan antarabangsa dan usaha E-Dagang.



#### PENCAPAIAN

- Menganjurkan Ekspo Antarabangsa Selangor (SIE) pada 26 hingga 28 November antara expo antarabangsa terbesar di Malaysia yang disertai 400 gerai dengan 46 peratus peserta asing dari lebih 10 negara dan sekaligus menaikkan nama Selangor di peringkat antarabangsa.
- Mengadakan pelbagai promosi lain termasuk lawatan dan penyertaan ekspo pelaburan di luar negara bagi mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan.
- Sehingga 15 September, Selangor berjaya menarik nilai pelaburan RM5.91 bilion. Kerajaan Negeri optimis nilai pelaburan mencecah RM8 bilion apabila dua syarikat gergasi, Nestle serta Roll-Royce melalui UMW bakal menjadi penyumbang terbesar dengan pelaburan masing-masing bernilai RM340 juta dan RM800 juta.

Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan RM2 juta khusus bagi Program Pendidikan Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat yang ditawarkan KUIS.

#### PENCAPAIAN

- Pada Julai lalu Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan RM5 juta untuk membiayai 400 pelajar Program Pendidikan Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat di KUIS.
- Setakat ini, seramai 294 pelajar diterima iaitu pengajian Diploma seramai 201 pelajar dan Ijazah Sarjana Muda seramai 93 pelajar.

Kerajaan Negeri mensasarkan 15,000 rumah mampu milik (RMM), Rumah Selangorku dibina dalam tempoh tiga tahun mulai 2015.

#### PENCAPAIAN

- Sehingga November 2015, sebanyak 20,568 unit Rumah Selangorku dengan melibatkan 18 pemaju sudah dilancarkan.
- Memandangkan kejayaan melepasi sasaran 15,000 hanya dalam masa kurang setahun, Kerajaan Negeri menetapkan sasaran baru kepada 35,000 unit dibina menjelang 2018.



Kerajaan Negeri mencadangkan RM16.6 juta diperuntukkan untuk Tabung Basiswa Selangorku khusus untuk anak Selangor dari desa dan keluarga berpendapatan rendah di UNISEL dan KUIS.

#### PENCAPAIAN

Kerajaan Negeri menerima 183 permohonan yang mana 169 (90 program Ijazah dan 79 diploma) layak untuk diproses kerana melepasi syarat asas ke layakan.

Selepas melalui proses temuduga, seramai lebih kurang 115 calon adalah layak untuk menerima Basiswa tersebut.

Program Hadiah Anak Masuk Universiti diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM8 juta.

#### PENCAPAIAN

Dari 2008 hingga 31 Disember 2014, seramai 47,294 pelajar menerima manfaat skim ini dengan melibatkan kos sebanyak RM47,355,950.

Manakala dari 1 Januari hingga 30 Jun 2015 pula, Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM3,509,000 dengan melibatkan seramai 3,509 pelajar.



Kerajaan Negeri mencadangkan memperkenalkan Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor untuk mahasiswa UNISEL, KUIS dan INPENS dengan peruntukan RM12 juta.

#### PENCAPAIAN

Pada 2015 Kerajaan Negeri menerima 482 permohonan Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor dan sehingga kini seramai 257 menerima bantuan ini yang terdiri daripada 155 pelajar UNISEL, 93 pelajar KUIS dan sembilan pelajar INPENS.

Manakala permohonan 11 pelajar lagi dalam proses dan 214 permohonan lagi ditolak.

Kerajaan Negeri bercadang memberi insentif bagi menggalakkan penyertaan pemaju swasta dalam pembangunan rumah mampu milik (RMM) sekaligus menjana pertumbuhan ekonomi berkualiti.

#### PENCAPAIAN

- Menyediakan 'fast track' kelulusan merancang kepada pemaju yang memajukan RMM.
- Diskaun premium tanah 10 peratus dari nilai semasa.
- Mengecualikan caj pembangunan bagi pembangunan tanah/lot yang terlibat dengan pembinaan RMM.
- Melonggarkan syarat kepadatan projek bergantung kepada keadaan tanah.
- Menetapkan dasar 30 hingga 40 peratus projek perumahan di negeri itu adalah RMM.



Mencadangkan melaksanakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) dengan peruntukan permulaan RM10 juta kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi tujuan menyelesaikan masalah peneroka bandar yang ingin memiliki kediaman sendiri.

#### PENCAPAIAN

- Skim ini dilancarkan pada 4 Disember 2014 dengan peruntukan permulaan RM10 juta disalurkan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi membeli rumah kos rendah daripada pemaju.
- Sebagai permulaan, projek Rumah Kos Rendah (RKR) Ukay Indah, Sungai Sering dan RKR Pangsapuri Rimba Jaya dipilih sebagai projek perintis yang melibatkan 220 keluarga peneroka bandar.
- Sehingga kini seramai 86 Peneroka Bandar dikenal pasti layak menyertai skim ini bagi projek RKR Rimba Jaya.
- LPHS dan pemaju dalam proses penyediaan dokumen jual beli dan Peneroka Bandar terlibat dijangka dapat menduduki rumah itu pada awal 2016. Manakala bagi projek RKR Sungai Sering tidak dapat diteruskan kerana pemaju tidak berminat menjual RKR itu kepada LPHS.
- Skim itu dipanjangkan kepada penerima tawaran Rumah Selangorku Jenis A yang berharga RM42,000.00 dengan syarat ditetapkan dan dijangka beroperasi pada suku pertama 2016.



**Menubuhkan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai akibat ketidakcekapan pemaju menyiapkan projek dirancang.**



#### PENCAPAIAN

- Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) berhadapan masalah mengesan semua pembeli projek rumah terbengkalai dipilih. Bagaimanapun usaha mengesan dilipatgandakan membantu pembeli teraniaya.
- Setakat ini, tiga projek terbengkalai terpilih untuk disiapkan, projek Rancangan Tersusun Kampung Kiai Arshad melibatkan 400 pembeli, Taman Desa Mawar, Kuala Selangor dengan 499 pembeli dan pangsapuri kos rendah Rimau Indah, Seksyen 32, Shah Alam seramai 315 pembeli.

**Kerajaan Negeri bercadang memperkasakan Dana Industri Kampung kepada Dana Usahawan Mikro Selangor dengan meningkatkan jumlah maksimum insentif daripada RM10,000 kepada RM 30,000 bagi setiap permohonan.**

#### PENCAPAIAN

- Seramai 300 peserta daripada sembilan daerah seluruh Selangor menyertai kursus kemahiran jangka pendek untuk masyarakat desa yang berminat menceburkan diri dalam dunia perniagaan selain peluang meningkatkan pengetahuan dalam bidang kemahiran.
- 95 peserta menyertai Program Industri Komuniti Kampung Jangka Sederhana 2015 di Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) di Kampung Gesir Tengah pada November lalu.
- Seramai 95 peserta kursus Program Industri Komuniti Kampung Jangka Sederhana 2015 menerima peralatan memulakan perniagaan bernilai RM8,000 termasuk modal tunai RM1,000 setiap seorang selepas menamatkan kursus.
- Melaksanakan pemantau dan bimbingan berkala terhadap peserta program.

**Bagi menjamin prinsip kepedulian kerajaan terhadap golongan peniaga terutamanya peniaga kecil, Kerajaan Negeri menyemak semula kadar fi lesen yang agak tinggi dan pembahagian kategori membebankan.**

#### PENCAPAIAN

Selepas kajian dijalankan, Menteri Besar mengumumkan penaja kecil, pasar malam dan pasar tani dikecualikan membayar fi lesen pada 2016. Pengecualian ini memberi manfaat kepada 67,804 pemegang lesen dengan nilai RM7.2 juta.



**Kerajaan Negeri memperuntukkan RM17 juta bagi tujuan pembangunan atlet dan prasarana sukan termasuk penubuhan Perbadanan Aset Sukan Negeri Selangor.**

#### PENCAPAIAN

- Untuk program pembangunan sukan, buat masa ini sedang dalam persediaan atlet untuk menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2016 di Sarawak pada Julai 2016.
- Menganjurkan Liga Sukan Selangor (PLUS) di setiap DUN dengan tiga program sukan utama iaitu bola jaring, bola keranjang dan futsal untuk mengenalpasti bakat-bakat baru.
- Kerja baik pulih yang sudah dan sedang berjalan adalah gelanggang tinju di Sabak Bernam, pusat latihan angkat berat di Hulu Langat, stadium hoki di Petaling Jaya dan Klang, pusat latihan perahu layar di Kuala Langat, gelanggang petanque di Kuala Selangor termasuk baik pulih padang di Stadium Kuala Selangor, Stadium Salak Tinggi Sepang dan Stadium Mini Shah Alam.
- Kerja menaik taraf bumbung di Kompleks Arena Petaling Jaya serta gelanggang di kawasan DUN seperti futsal dan kemudahan sukan lain mengikut peringkat.

**Membangunkan sistem maya, Wahana Pemasaran Keusahawanan Selangor (Selangor Entrepreneurship Marketing Platform) bagi membolehkan usahawan mempromosikan produk dan perkhidmatan.**

#### PENCAPAIAN

- Lebih 10 kursus latihan E-dagang dan satu persidangan E-Dagang peringkat Asia diadakan sejak Jun 2015.
- Sebanyak 47 IKS berjaya menceburi bidang E-dagang melalui projek Selangor Apps 100 dan 17 lagi masih dalam perancangan dan dijangka projek ini sempurna menjelang Jun 2016 iaitu dalam tempoh setahun sejak Jun 2015.
- Menyediakan bantuan dan kemudahan kepada IKS untuk memulakan aktiviti E-dagang.
- Menyediakan perkongsian ruang kerja berkongsi untuk permulaan belia melibatkan diri.
- Menyediakan ruang dan kemudahan untuk belia yang berminat dalam bidang inovasi.

**Dalam tempoh dua tahun, Kerajaan Negeri melalui PKNS membina Kompleks Baru Uptown Seksyen 24 dengan anggaran kos RM18 juta dengan reka bentuk mencerminkan sebagai salah satu mercu tanda Shah Alam.**

#### PENCAPAIAN

- PKNS sudah mengambil alih bangunan berkenaan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada Oktober lalu dan kini dalam proses rundingan pengambilalihan tanah.
- Namun untuk masa terdekat, PKNS membuat pembaikan sistem pendawaian elektrik bagi memastikan kejadian litar pintas tidak berlaku kembali.
- PKNS sudah membina sistem perparitan lebih baik bagi mengelakkan banjir kilat berlaku serta mendirikan pagar menggunakan peruntukan sendiri.
- PKNS menghantar permohonan Kebenaran Merancang pada awal 2016 kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan disusuli dengan pelan pembangunan.
- PKNS menjangkakan semua proses terlibat seperti isu tanah, proses tender dapat diselesaikan bagi membolehkan pembinaan kompleks baru dimulakan pada awal 2017 dan dijangka siap dalam tempoh setahun.



**Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM3.5 juta bagi menyediakan tapak dan Marque Tent sebagai tapak sementara untuk 446 peniaga Uptown Seksyen 24, Shah Alam yang terlibat kebakaran.**

#### PENCAPAIAN

- Memperuntukkan RM1 juta dalam bentuk bantuan kewangan bencana dan pinjaman kewangan Skim Mikrokredit Bandar (MiMBAR).
- Pembangunan semula tapak sementara siap sepenuhnya pada Mei 2015 dan sudah beroperasi seperti biasa.

**Kerajaan Negeri memberi jaminan mengekalkan jumlah keluasan 70 hutan simpan kekal berkeluasan 250,129 hektar yang merupakan 31.54 peratus dari keluasan tanah.**

#### PENCAPAIAN

- Kerajaan Negeri menjalankan kajian untuk mengenakan hukuman lebih berat terhadap penceroboh dan peneroka hutan simpan.
- Setakat ini, hutan seluas 250,129 hektar masih kekal diwartakan sebagai hutan simpan.



**Kerajaan Negeri mencadangkan 2,500 hotspot wifi disediakan di seluruh Selangor.**

#### PENCAPAIAN

Sebanyak 1,735 lokasi hotspot Wifi Selangorku siap dipasang membabitkan seluruh Selangor sehingga 15 Disember lalu. Usaha memasang wifi di kawasan tumpuan orang ramai masih giat.

**Kerajaan Negeri bercadang menaikkan elaun imam masjid daripada RM750 sebulan kepada RM850 sebulan.**

#### PENCAPAIAN

Seramai 700 imam mula menikmati elaun baru sebanyak RM850 sebulan bermula Januari 2015.

**Mencadangkan RM12 juta pada 2015 bagi tujuan menaik taraf jalan luar bandar dan peruntukan RM4 juta untuk menaik taraf kemudahan awam desa termasuk balai raya.**

#### PENCAPAIAN

- Hampir RM11.047 juta peruntukan dibelanjakan untuk penyelenggaraan jalan kampung dan pembangunan desa bagi 2015 iaitu lebih 90 peratus daripada RM12 juta seperti diperuntukkan belanjawan.
- Berdasarkan pecahan daerah, Hulu Langat mencatatkan bilangan projek tertinggi sebanyak 66 projek dengan peruntukan hampir RM2.852 juta diikuti Hulu Selangor 19 projek (RM606,041) dan Sabak Bernam, 18 projek (RM1.483 juta).
- Bagi pembangunan kemudahan desa pula, RM988,135 diperuntukkan kepada Daerah Hulu Langat dengan 21 projek diikuti Sepang, 14 projek (RM216,978) dan Gombak (RM456,532).

**Kerajaan Negeri bersetuju menaikkan elaun Pengerusi JKKK bagi Kampung Tradisi dan Kampung Baru daripada RM800 kepada RM900 sebulan.**

#### PENCAPAIAN

Bermula Januari 2015 seramai 446 Pengerusi JKKK menerima faedah kenaikan.

# Selangor sebagai *role model*

Selangor merupakan negeri terkaya di Malaysia, berdasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita. Negeri ini merupakan negeri termaju di Malaysia dengan memiliki infrastruktur yang terbaik seperti lebuh raya dan pengangkutan awam.

Walaupun hanya sebuah negeri, Selangor juga mampu memainkan peranan yang sepatutnya dimainkan Kerajaan Persekutuan seperti membantu mangsa bencana di luar Selangor.

Ini membuktikan kekayaan bumi Selangor bukan sahaja dinikmati rakyatnya tetapi turut merentasi sempadan untuk dikongsi bersama golongan kurang bernasib baik yang berada jauh beribu batu.

Selain menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana luar Selangor, Kerajaan Negeri turut mempunyai reputasi tinggi di mata masyarakat luar termasuk pemimpin dan pelabur asing.

Antaranya, Walikota Bandung, Indonesia, Mochamad Ridwan Kamil yang secara terbuka menyatakan rasa kagumnya terhadap kejayaan Kerajaan Selangor memacu pembangunan negeri dengan mengutamakan akauntabiliti pentadbirannya dan mahu menjadikannya sebagai contoh kepada Bandung.

Bukan itu sahaja, pelbagai perancangan pelaburan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan antarabangsa yang dirancang turut menaikkan lagi nama Selangor.



**01**  
MB ke Jepun

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali bersama delegasi Selangor ke negara matahari terbit bagi menarik pelaburan daripada sektor industri farmaseutikal, sains hayat dan teknologi hijau.



**03**  
MOU - MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memeterai perjanjian persefahaman (MOU) bagi menjalin kerjasama dengan empat bandar iaitu Bandar raya Asan (Korea Selatan), Bandung (Indonesia), Guangzhou (China) dan Saitama (Jepun) yang membabitkan aspek pendidikan, ekonomi, pembangunan, pelancongan dan kebudayaan.



**02**  
MB ke Jakarta

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menghadiri Forum Dunia untuk Muslim Demokrat seluruh dunia bagi membahaskan isu semasa yang dihadapi masyarakat Islam ketika ini.



**04**  
MPSJ

MPSJ jadi PBT pertama terima Green World Ambassador 2015 - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) muncul pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang dianugerahkan Green World Ambassador 2015 di United Kingdom atas usaha gigih PBT itu membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau 2030 di samping memperkenalkan inisiatif hijau.



**05**  
EXCO ke Poland

Delegasi Kerajaan Negeri bersama Muslim Care Malaysia yang diketuai Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi meninjau perkembangan dan bentuk bantuan untuk pembangunan pelarian Chechnya.



**07**  
Banjir di Perak

Sebuah keluarga mangsa banjir di Kampung Pasir Putih, dibantu mengantikan mesin jahit baru yang rosak akibat banjir agar keluarga itu dapat meneruskan mencari sumber pendapatan. Dalam banjir itu, seramai 700 mangsa menerima sumbangan RM200,000 daripada Kerajaan Negeri.



**06**  
Gempa di Gunung Kinabalu

Kerajaan Negeri menghantar Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS) ke Sabah bagi membantu mangsa bencana gempa bumi di sana. Seramai 220 individu dan keluarga yang terbabit menerima sumbangan.



**08**  
Banjir di Kelantan

Banjir paling buruk dalam sejarah menyaksikan Kerajaan Negeri menyerahkan sumbangan RM1 juta dan membina 60 unit Rumah Darul Ehsan dengan kos hampir RM6 juta itu atas rasa tanggungjawab Selangor membantu rakyat Kelantan yang memerlukan pembelaan selepas kehilangan tempat berteduh akibat bencana banjir Disember 2014.

# Tatkala tirai 2015 dilabuh...

OLEH NAZLI IBRAHIM

**T**ATKALA TIRAI 2015 DILABUH, banyak yang ditinggalkan. Ada yang manis dan tidak kurang juga yang pahit. Cabarannya pula, mungkin ramai yang menganggap 2015 sebagai tahun yang gelap ekoran pelbagai peristiwa hitam berlaku sepanjang tahun yang memberi kesan pada tahun-tahun mendatang.

Antaranya, kecuaiannya Kerajaan Barisan Nasional (BN) menguruskan harta negara sehingga membawa kepada kesan kejatuhan nilai ringgit dan ekonomi negara.

Bebanan hutang negara yang semakin membesar, menyebabkan pemimpin tidak bertanggungjawab mengalihkan bebanan hutang itu dibahu rakyat dengan melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Selain GST, paling hangat diperdebatkan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak muncul menjadi 'billionaire' segera selepas menerima derma RM2.6 bilion yang didakwa diterima daripada hartawan Arab.

Semua tragedi hitam ini bukan sahaja terpaksa dihadapi generasi hari ini tetapi turut ditanggung oleh generasi pada masa akan datang.



## SOROTAN 2015

**13 JANUARI** - Mahkamah Persekutuan mengesahkan keputusan Mahkamah Rayuan membebaskan dua anggota Unit Tindakan Khas (UTK) Cif Inspektor Azilah Hadri, 38, dan Koperal Sirul Azhar Umar, 43, terhadap tuduhan membunuh model Mongolia, Altantuya Shaariibuu dengan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang mendapati mereka bersalah membunuh wanita itu. Kedua-dua mereka dijatuhkan hukuman mati.

**10 FEBRUARI** - Usaha menamatkan riwayat politik Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), Datuk Seri Anwar Ibrahim diteruskan apabila Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan bersalah dalam kes fitnah liwat 2

sekaligus menyebabkan Anwar dipenjarakan lima tahun di Penjara Sungai Buloh. Anwar turut hilang kelayakkan sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh.

**28 FEBRUARI** - Negara digemparkan dengan laporan Sarawak Report berhubung skandal 1MDB yang melibatkan sejumlah RM2.6 bilion dimasukkan ke akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

**16 MAC** - Gara-gara terdesak mempertahankan kuasa, undang-undang turut diperkenalkan. Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar ditahan di lokap Balai Polis Jinjang di bawah Akta Hasutan berhubung Perhimpunan Kita Lawan.

Dalam tempoh 7 hing-



ga 16 Mac sahaja, selain Nurul Izzah, lapan pemimpin pembangkang dan aktivis lain turut ditahan.

**1 APRIL** - Amalan boros, rasuah dan ketirisan menyebabkan hutang negara semakin membebankan rakyat dipaksa menanggung akibatnya dengan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

**5 MEI** - PAS berjaya mengurangkan majoriti yang dimenangi BN pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Rompin apabila

tewas dengan majoriti 8,895 undi berbanding 15,114 undi pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu.

**7 MEI** - Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diumumkan sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh yang baru selepas memenangi Pilihan Raya Kecil kawasan terbabit menewaskan calon BN, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan calon bebas dengan majoriti 8,841 undi.

**18 MEI** - Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail

secara rasmi dilantik sebagai Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat. Beliau yang dilantik sebagai Ketua Pembangkang buat kali kedua itu merupakan satu-satunya wanita di negara ini yang pernah menduduki jawatan itu.

**5 JUN** - Sabah digegarkan dengan gegaran gempa bumi berukuran 6.0 skala richter berlaku di sekitar Ranau, Sabah pada jam 7.15 pagi Jumaat. Kejadian itu turut meragut nyawa 19 orang pendaki dan malim gunung.



**Investors Believe Money Flowed to Malaysian 1MDB Amid 1MDB Probe**

Investor's bank accounts are scrutinized during investigation of investment fund 1MDB



**1 JULAI** - Walaupun harga pasaran minyak dunia semakin merudum, kerajaan hari ini mengumumkan kenaikan harga petrol RON 95 kepada RM2.15, RON 97 (RM2.55) dan diesel (RM2.05 seliter) iaitu tertinggi pada tahun ini.

**2 JULAI** - Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail mendedahkan pasukan petugas khas menyerbu tiga syarikat yang dikatakan menyalur wang ke akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak dan menambah beliau turut menerima ker-

tas siasatan berhubung perkara itu. Beliau turut mengesahkan menerima dokumen berkaitan 1MDB termasuk dokumen berkaitan dakwaan penyaluran dana ke akaun milik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

**3 JULAI** - Wall Street Journal turut melaporkan skandal 1MDB sekaligus skandal melibatkan Perdana Menteri itu menjadi perhatian dunia.

Laporan itu turut menyebut transaksi terbesar berjumlah US\$620 juta dan US\$61 dima-

sukkan pada Mac 2013 ketika musim Pilihan Raya Umum ke-13 berlangsung.

**26 JULAI** - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan di sebuah majlis mengulangi supaya Najib menjelaskan persoalan wang sebanyak RM2.6 bilion dimasukkan ke akaun peribadinya.

**27 JULAI** - Kontrak Gani sebagai Peguam Negara ditamatkan serta merta dengan alasan kesihatan. Bagaimanapun Gani

dalam reaksinya terkejut apabila dia sendiri tidak mengetahui 'kesihatannya sedang merosot'.

**28 JULAI** - Muhyiddin, Datuk Seri Shafie Apdal dan dua yang lain disingkirkan daripada kabinet dalam rombakan kabinet dipercayai untuk menyelamatkan kedudukan Najib sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

**30 JULAI** - *Sarawak Report* mendakwa penamatan kontrak Gani sebagai Peguam Negara berpunca tersebabnya draf kertas pertuduhan terhadap Najib dalam internet.

**3 OGOS** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberitahu wang RM2.6 bilion yang dimasukkan ke akaun Najib adalah wang derma dari Timur Tengah. Bagaimanapun rata-rata rakyat negara ini tidak menerima penjelasan itu dan mempersendakannya sebagai satu lawak jenaka.

**7 OGOS** - Nilai ringgit hari ini jatuh lagi kepada RM3.92 bagi setiap AS\$1, paras paling rendah dicatatkan dalam tempoh 17 tahun.

**29 OGOS** - Perhimpunan BERSIH 4.0 yang dihadiri kira-kira 500,000 peserta diadakan di Bandaraya Kuala Lumpur bagi mendesak Najib meletakkan jawatan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad turut membuat penampilannya sebanyak dua kali pada perhimpunan kali ini.

**3 SEPTEMBER** - Skuad Harimau Malaya dimalukan dengan kekalahan 10-0 ditangan Emiriah Arab Bersatu pada perlawanan ketiga Kumpulan A Pusingan Kelayakan

Piala Dunia 2018 dan Piala Asia 2019. Sebelum itu skuad Harimau Malaya turut dimalukan oleh pasukan negara dilanda perang, Palestin 6-0.

**4 SEPTEMBER** - Ekoran mengambil tanggungjawab atas beberapa kekalahan memalukan, jurulatih Skuad Harimau Malaya, Dollah Salleh mengumumkan perletak jawatannya.

**8 SEPTEMBER** - Gara-gara tidak berpuas hati dengan FAM dan prestasi Skuad Harimau Malaya, penonton perlawanan antara Skuad Harimau Malaya dan Arab Saudi bertindak membakar dan membaling suar ke balapan Stadium Shah Alam.

Perlawanan itu terpaksa dihentikan kira-kira tiga minit sebelum masa sebenar perlawanan tamat ketika Skuad Harimau Malaya sedang ketinggalan 1-2.

**9 SEPTEMBER** - Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara 12 bulan terhadap bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo atas kesalahan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh tanah dan sebuah banglo di Shah Alam, lapan tahun lepas.

**15 OKTOBER** - 18 syarikat konsesi lebuhraya di negara ini termasuk di Lembah Klang mula mengenakan kadar baharu bagi laluan tol, dengan kenaikan antara 10 sen dan RM3.

**30 OKTOBER** - Najib semakin terdesak menggunakan semua mekanisme untuk mempertahankan kuasa termasuk menggunakan mahkamah. Beliau menyaman bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik berhubung kenyataannya mengenai

skandal 1MDB.

Selain Liong Sik, Najib sebelum ini turut menyaman Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli; Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, Tony Pua, Ahli Parlimen Taiping DAP Nga Kor Ming dan Malaysia-kini berhubung artikel komen pembaca di Malaysia-kini.

Pentadbiran Najib juga tidak teragak-agak menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) terhadap mana-mana pihak yang mengkritik beliau termasuk pemimpin Umno sendiri.

**31 OKTOBER** - Pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) mencipta sejarah sebagai kelab pertama dari Malaysia menjuarai Piala AFC selepas menumpaskan FC Istiklol, 1-0 dalam perlawanan akhir di Stadium Central Republican Dushanbe di Tajikistan.

**2 NOVEMBER** - Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama tiba di Malaysia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27. Selain menghadiri sidang kemuncak terbabit, Obama turut memperkukuhkan usaha melobi supaya Malaysia menyertai kerjasama Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA).

**6 NOVEMBER** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad disoal siasat polis ekoran kelantangannya memersoalkan isu 1MDB.

**7 NOVEMBER** - Menariknya, Anwar melalui peguamnya turut menyatakan kebimbangannya ekoran tindakan polis menjadikan Dr Mahathir sebagai subjek penyiasatan polis. Anwar berkata, Dr Mahathir tidak bersalah apabila bertanyakan isu 1MDB.

**2 DISEMBER** - Pengguna Transit Aliran Ringan (LRT) dan Monorel tertekan apabila kerajaan memutuskan menaikkan tambang kedua-dua pengangkutan awam itu.

**3 DISEMBER** - Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (RUU-MKN) diluluskan di Dewan Rakyat menerusi undian belah bahagi dengan 107 Ahli Parlimen menyokong dan 74 membantah.

RUU ini menimbulkan kontroversi berikutan membolehkan Perdana Menteri mengambilalih kuasa Yang Dipertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat dan berisiko tinggi untuk disalahgunakan.

**30 NOVEMBER** - Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin mengumumkan semua lebuhraya di bawah PLUS akan mengalami kenaikan sebanyak lima peratus bermula 1 Januari tahun hadapan.

**4 DISEMBER** - Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengarahkan blogger Umno yang cenderung menggunakan pendekatan lucah, Papagomo atau nama sebenarnya Wan Muhammad Azri Wan Deris membayar ganti rugi sebanyak RM800,000 kepada Anwar.

**6 DISEMBER** - Genap 300 hari Anwar Ibrahim menjadi tahanan politik Umno-BN. Satu perhimpunan turut diadakan di hadapan Penjara Sungai Buloh bagi mengingati pengorbanan Anwar untuk rakyat dan negara.

**22 DISEMBER** - Dewan Negara meluluskan RUU-MKN tanpa pindaan dengan sokongan majoriti.



# DALAM MEMORI

Selain dihimpunkan dengan kehangatan pelbagai insiden, putaran masa 2015 juga bagaikan terhenti beberapa kali apabila seorang demi seorang individu yang memainkan peranan penting dalam bidang masing-masing pergi buat selama-lamanya. Pemergian mengejutkan ini bukan sahaja memberi kesan di hati individu sekeliling mereka, malah turut dirasakan seluruh rakyat.

## 12 Februari - Datuk Nik Aziz Nik Mat

Menghembuskan nafas terakhirnya pada umur 84 pada jam 9.45 malam di rumahnya di Pulau Melaka, Kota Bahru, Kelantan selepas sekian lama mengidap barah. Pemergian Mursyidul Am PAS itu dihadiri puluhan ribu rakyat dari serata ceruk tanah air.



## 12 Februari- Datuk Hasbullah Awang

Pemilik suara yang sinonim dengan ulasan bola sepak Pesta Bola Merdeka ini meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN) pada usia 63 tahun akibat komplikasi jantung. Pemergian Allahyarham turut dirasakan Selangor Kini sendiri berikutan selain sudi memberikan komen dalam isu sukan tempatan Allahyarham juga merupakan calon utama sebagai kolumnis jemputan bagi ruang sukan.



## 8 Mac - Harun Salim Bachik

Harun Salim Bachik meninggal dunia dipercayai mengalami sesak nafas ketika singgah di Hentian Rehat dan Rawat Gunung Semanggol (Selatan), Perak pada petang hari kematiannya. Ketika itu bekas Presiden Seniman ini dilaporkan dalam perjalanan pulang dari Pulau Pinang bersama keluarganya. Allahyarham meninggal dunia pada usia 56 tahun.



## 4 April - Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis

Allahyarham terkorban bersama lima penumpang lain selepas helikopter dinaiki mereka terhempas di kawasan ladang getah di Jalan Sungai Lalang, Kampung Pasir Baru Semenyih. Allahyarham meninggal pada usia 64 tahun.



## 16 September - Anthony Kevin Morais

Mayat Timbalan Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan Jabatan Peguam Negara, Anthony Kevin Morais ditemui dalam sebuah tong berisi konkrit di Jalan Subang 3, Taman Subang Mewah, USJ 1 pada 16 September lalu selepas dilaporkan hilang pada 4 September lalu.



## 29 November - Raja Muda Kedah, Tunku Abdul Malik Almarhum Sultan Badlishah

Almarhum mangkat pada usia 86 tahun pada jam 1.00 pagi di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar akibat kegeringan.



## 30 November - Yus Jambu

Pelawak Yus Jambu atau nama sebenarnya Yussry Edoo, 39, meninggal dunia akibat sesak nafas di Hospital Selayang kira-kira jam 12.30 pagi Isnin. Pemergiannya pada usia muda mengejutkan penggiat seni.



## 1 Disember - Seniwati Mariani

Primadona Mariani atau Mariam Ismail, 82, disahkan meninggal dunia akibat kanser.



## 5 Disember - Tunku Laksamana Johor, Tengku Abdul Jalil Sultan Ibrahim

Almarhum Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim mangkat di Hospital Sultanah Aminah, Johor. Almarhum pada usia 25 tahun kerana mengidap kanser hati. Kemangkatan putera raja mesra rakyat itu dirasakan khususnya bagi rakyat Johor.

